

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 05 FEBRUARI 2016

1-Blacklist cara baharu buru pesalah

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan melaksanakan proses menyenaraihitamkan pesalah tempat letak kenderaan yang gagal menjelaskan kompaun bagi sekatan ke atas pembaharuan cukai jalan melalui sistem I-Blacklist.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, pelaksanaan sistem I-Blacklist merupakan sekatan untuk memperbaharui cukai jalan oleh JPJ terhadap orang kena kompaun (OKK) yang mempunyai rekod kesalahan tidak meletak kenderaan di tempat disediakan MBSA mengikut Undang-Undang Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBSA.

"Pada tahun lalu, sebanyak

75 kes disenaraihitamkan dan 57 kes waran tangkap dilaksanakan ke atas OKK.

"Sehingga Disember 2015, sebanyak 1,484 kes didaftarkan ke mahkamah untuk tujuan pendakwaan," katanya.

Beliau berkata, jumlah kompaun tempat letak kereta yang masih belum dibayar sehingga Disember 2015 melibatkan 279,229 kompaun iaitu berjumlah RM27,897,710.

"Bagi kutipan kompaun sepanjang 2015 adalah sebanyak RM2,232,907.22. OKK boleh melayari laman sesawang MBSA untuk semakan kompaun," katanya.

Menurutnya, MBSA menyarankan orang ramai menjelaskan semua tunggakan kompaun tempat letak kenderaan bagi mengelakkan daripada disenaraihitam di bawah sistem I-Blacklist.